

04/10/1997

PM berucap pada forum Komanwel

LONDON, Jumaat - Perdana Menteri adalah antara lapan ketua negara Komanwel yang akan memberikan ucapan pada Forum Perniagaan Komanwel yang pertama kali diadakan sempena mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan bertajuk Isu Utama Untuk Komanwel Dalam Menggalakkan Perdagangan dan Pelaburan pada forum dua hari bermula 22 Oktober ini di sini.

Mesyuarat CHOGM pula berlangsung selama enam hari mulai 24 Oktober ini di Edinburgh, Scotland.

Jurucakap Urusetia Komanwel berkata, pemilihan tokoh berkenaan untuk menyampaikan ucapan dalam forum itu berdasarkan kecemerlangan kepimpinan dan pengaruh mereka kepada perdagangan dan pelaburan dunia.

Menurutnya, mereka mewakili semua benua dari Asia Pasifik, Afrika dan Eropah.

"Ucapan mereka akan memberi kesan mendalam pada forum yang pertama kali diadakan bagi menggalakkan pembangunan rangkaian global paling berkuasa di kalangan negara Komanwel dalam perdagangan dan pelaburan.

"Pengalaman dan kejayaan negara terbabit, termasuk Malaysia boleh dijadikan landasan kepada ahli politik dan sektor swasta dalam menguatkan perdagangan dan pelaburan negara Komanwel," katanya pada sidang akhbar sempena forum itu di sini, semalam.

Forum anjuran bersama Britain, Urusetia Komanwel dan Persidangan Financial Times dijangka dihadiri 350 ahli politik dan sektor swasta.

(END)